





**GARIS PANDUAN
ANUGERAH INOVASI
TEKNOLOGI MAKLUMAT
DAN KOMUNIKASI (AIICT)
PERINGKAT NEGERI PERAK
TAHUN 2017**



KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
A. Tujuan Garis Panduan	1
B. Anugerah Inovasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (AIICT)	1
I. Pengenalan	1
II. Tafsiran Inovasi	1
III. Objektif AIICT	2
IV. Bentuk Hadiah	2
V. Syarat Kelayakan Permohonan	3
VI. Kaedah Penyertaan	3
VII. Tatacara Penyertaan	4
VIII. Struktur Jawatankuasa Penilaian	5
IX. Proses Penilaian	6
C. Panduan Penyediaan Laporan Pencalonan AIICT	6
D. Kriteria Penilaian AIICT	6
E. Keputusan Pertandingan	10
F. Penyampaian Anugerah AIICT	10
G.Tarikh Tutup Penyertaan	10
Glosari	11



**GARIS PANDUAN
ANUGERAH INOVASI TEKNOLOGI MAKLUMAT
DAN KOMUNIKASI (AIICT)
PERINGKAT NEGERI PERAK
TAHUN 2017**

A. TUJUAN GARIS PANDUAN

Dokumen ini merupakan panduan kepada Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri dalam negeri Perak untuk menyertai Anugerah Inovasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (AIICT). Panduan ini menggariskan tatacara, syarat kelayakan permohonan, format laporan permohonan, proses, kriteria-kriteria dan penilaian AIICT.

B. ANUGERAH INOVASI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (AIICT) PERINGKAT NEGERI PERAK.

I. PENGENALAN

Selaras dengan saranan Kerajaan Persekutuan dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara berinovasi, Kerajaan Negeri Perak melaksanakan Hari Inovasi sebagai salah satu agenda tahunan.

Sambutan yang diadakan setiap tahun ini dilaksanakan dengan pengisian seperti berikut;

- i. Ceramah dan perkongsian ilmu dari tokoh-tokoh inovasi dalam negara.
- ii. Pertandingan mencipta tema Hari Inovasi
- iii. Pameran inovasi dari sektor awam dan swasta
- iv. Pemberian anugerah terhadap beberapa kategori yang dipertandingkan

Salah satu kategori yang dipertandingkan adalah Anugerah Inovasi ICT (AIICT) yang memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada organisasi di atas inisiatif inovasi yang telah dilaksanakan serta telah berjaya memanfaatkan ICT.

II. TAFSIRAN INOVASI

Dalam konteks perkhidmatan awam, inovasi boleh ditafsirkan sebagai **cetusan idea-idea kreatif** yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan. Idea-idea tersebut boleh diperoleh dari dalam dan luar atau melalui



**GARIS PANDUAN
ANUGERAH INOVASI TEKNOLOGI MAKLUMAT
DAN KOMUNIKASI (AIICT)
PERINGKAT NEGERI PERAK
TAHUN 2017**

proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) sebagai **idea baru atau diadaptasi** untuk diguna pakai mengikut keperluan jabatan atau agensi. Inovasi yang dihasilkan hendaklah berupaya **menambah nilai output dan outcome** semasa serta membawa **transformasi dan perubahan kepada amalan sedia ada**. Inovasi boleh berbentuk produk, perkhidmatan, proses atau teknologi. Dalam konteks teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), **inovasi merangkumi sistem aplikasi, kandungan tempatan (local content) dan creative multimedia**.

III. OBJEKTIF AIICT

Anugerah ini diwujudkan dengan tujuan untuk:

- a. Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada organisasi di atas inisiatif inovasi yang telah dilaksanakan serta telah berjaya memanfaatkan ICT;
- b. Memprofil pelaksanaan ICT yang inovatif bagi menggalakkan perkongsian maklumat melalui *benchmarking*; dan
- c. Mencetuskan persaingan positif dalam carta kedudukan (*ranking*) di kalangan organisasi dalam penggunaan ICT ke arah kecemerlangan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkualiti.

IV. BENTUK HADIAH

Pemenang akan diberi ganjaran yang lumayan dan setimpal dengan tarafnya sebagai anugerah unggul dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di Sektor Awam. Ganjaran bagi pemenang bagi kategori ini akan diberikan dalam bentuk hadiah wang tunai bernilai RM 5000 bagi pemenang pertama, RM 4000 bagi pemenang kedua dan RM 3000 bagi pemenang ketiga. Piala iringan dan sijil akan turut diberikan bagi ketiga-tiga pemenang.



**GARIS PANDUAN
ANUGERAH INOVASI TEKNOLOGI MAKLUMAT
DAN KOMUNIKASI (AIICT)
PERINGKAT NEGERI PERAK
TAHUN 2017**

V. SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN

Syarat kelayakan penyertaan AIICT adalah seperti berikut:

- a. **Jabatan/Agensi Sektor Awam Negeri dalam Negeri Perak** yang telah berjaya menggunakan ICT secara inovatif dalam menjalankan fungsi dan operasi teras mereka di organisasi masing-masing dengan berkesan;
- b. Projek yang dicalonkan perlulah **telah beroperasi sekurang-kurangnya 6 bulan dan tidak melebihi tiga (3) tahun pada tarikh pencalonan AIICT dibuka, namun begitu jika projek mempunyai rekod yang lengkap sepanjang 3 bulan berturut-turut, permohonan penyertaan akan dipertimbangkan.**
- d. Projek yang dicalonkan **mestilah belum pernah memenangi AIICT di peringkat Negeri Perak** sama ada sebagai pemenang pertama, kedua atau ketiga.
- e. Projek yang dicalonkan **tidak dikaitkan dengan rekod aduan yang serius** atau aktiviti yang melanggar peraturan/pekeliling/akta/undang-undang kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

VI. KAEDAH PENYERTAAN

Penyertaan bagi kategori pengiktirafan Anugerah Inovasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi adalah **melalui permohonan** oleh agensi-agensi Kerajaan dalam Negeri Perak **berpandukan kriteria penilaian yang ditetapkan**. Jabatan dan Agensi kerajaan dalam Negeri Perak akan dipelawa untuk mengemukakan penyertaan bagi inovasi dan inisiatif kecemerlangan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi.



**GARIS PANDUAN
ANUGERAH INOVASI TEKNOLOGI MAKLUMAT
DAN KOMUNIKASI (AIICT)
PERINGKAT NEGERI PERAK
TAHUN 2017**

VII. TATACARA PENYERTAAN

Penyertaan bagi AIICT perlu dikemukakan kepada Urusetia, AIICT Peringkat Negeri Perak tahun 2017 di alamat berikut;

Urusetia AIICT Negeri Perak 2017,
Bahagian Pengurusan Maklumat
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
Aras G, Bangunan Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh, Perak.

Borang Penyertaan Anugerah Inovasi ICT (*Lampiran A*) dan Laporan Penuh (*Lampiran B*) yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada urusetia melalui e-mel kepada sheliana@perak.gov.my / zah@perak.gov.my / norsita@perak.gov.my selewat-lewatnya pada 03 Mei 2017 (Rabu).

LAPORAN PENCALONAN

Organisasi wajib mengemukakan **Ringkasan Eksekutif** dan **Laporan Penuh yang menggambarkan secara ringkas keseluruhan projek yang dicalonkan**. Maklumat lanjut penyertaan perlu dikemukakan mengikut format seperti di Borang Penyertaan AIICT di Lampiran A. Laporan yang dikemukakan akan dirujuk oleh Jawatankuasa Tapisan dan Panel Penilai semasa proses penilaian dibuat ke atas setiap penyertaan. Laporan yang disediakan perlu:

- Mengikut format yang telah ditetapkan
- Ringkas, padat dan jelas.

Laporan yang dikemukakan perlulah lengkap dan sebolehnya memberi gambaran projek sebenar. Ini adalah penting kerana **penilaian dan penapisan di peringkat pertama akan dibuat berdasarkan laporan yang dikemukakan**.



**GARIS PANDUAN
ANUGERAH INOVASI TEKNOLOGI MAKLUMAT
DAN KOMUNIKASI (AIICT)
PERINGKAT NEGERI PERAK
TAHUN 2017**

VIII. STRUKTUR JAWATANKUASA PENILAIAN

Jawatankuasa-jawatankuasa yang dibentuk untuk mengurus dan menjalankan proses penilaian pencalonan AIICT adalah seperti berikut :

Jawatankuasa Tapisan


Jawatankuasa ini diurusetiakan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Tanggungjawab jawatankuasa adalah seperti berikut:

- (i) Menyemak dan menilai Laporan Penyertaan;
- (ii) Membuat senarai pendek penyertaan di peringkat pertama; dan
- (iii) Menyediakan laporan dan ulasan pencalonan yang telah disenarai pendek untuk dimaju kepada Panel Penilai.

Panel Penilai

Panel Penilai AIICT dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Panel dianggotai oleh wakil dari beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi Sektor Awam, dan individu yang dikenal pasti mengikut kepakaran ICT. Tanggungjawab Panel Penilai adalah seperti berikut:

- (i) Menyemak laporan dan ulasan penyertaan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Tapisan serta Laporan Penyertaan;
- (ii) Membuat penilaian dan senarai pendek penyertaan di peringkat kedua melalui pembentangan Kementerian/Jabatan/Agensi Sektor Awam oleh pada satu tarikh yang akan ditetapkan; dan
- (iii) Menyediakan laporan perakuan pemenang-pemenang untuk pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Perak tahun 2017



GARIS PANDUAN
ANUGERAH INOVASI TEKNOLOGI MAKLUMAT
DAN KOMUNIKASI (AIICT)
PERINGKAT NEGERI PERAK
TAHUN 2017

IX. PROSES PENILAIAN

Semua penyertaan yang diterima oleh Urusetia AIICT akan ditapis berdasarkan pematuhan kepada syarat kelayakan yang telah ditetapkan. Hanya penyertaan yang berjaya melepassi tapisan ini akan dinilai seperti berikut :

Penilaian Jawatankuasa Tapisan – Pemarkahan dan proses menyenarai pendek projek untuk penilaian peringkat seterusnya.

Penilaian Pembentangan – Projek yang telah dinilai di peringkat tapisan akan dipanggil untuk pembentangan kepada Panel Penilai pada satu sesi yang akan ditentukan.

Pemilihan pemenang – Jawatankuasa pemilihan akan memilih pemenang berdasarkan dokumentasi dan pembentangan projek. Lawatan susulan akan dilaksanakan sekiranya perlu bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang pelaksanaan sistem/projek.

C. PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN AIICT

Laporan yang dikemukakan perlu mempunyai dua (2) bahagian iaitu:

a. Ringkasan Eksekutif

Skop laporan perlulah mematuhi perkara seperti berikut;

- i) Ringkasan penyertaan;
- ii) Justifikasi "Mengapa pencalonan ini wajar dianugerahkan pemenang AIICT".

b. Laporan Penuh

Skop laporan penuh hendaklah berpandukan **Kriteria Penilaian AIICT** seperti di bahagian D dalam **Garis Panduan Permohonan AIICT**.

D. KRITERIA PENILAIAN AIICT

Kriteria penilaian AIICT terdiri daripada tujuh (7) aspek yang merangkumi empat (4) aspek utama dan tiga (3) aspek sokongan/tambahan. Kriteria-kriteria ini secara keseluruhan akan memberi penekanan kepada keberhasilan atau outcome dan impak sesuatu inovasi dalam bidang ICT. Setiap kriteria **mestilah** diterangkan **tidak melebihi daripada 350 patah perkataan**. Setiap **kriteria dan sub-kriteria** perlu **diberi pernyataan** dan **disertakan** dengan **statistik** yang bersesuaian. Kriteria-kriteria tersebut adalah seperti berikut:

KRITERIA 1: INOVATIF (20 MARKAH)

Kriteria ini menilai projek berasaskan:

- Hendaklah bersifat unik, tersendiri, asli (originality) dan berbeza dengan projek-projek sedia ada;
- Kaedah pelaksanaan projek hendaklah bercirikan leading edge; dan
- Mempunyai nilai ciptaan ataupun value creation.

KRITERIA 2: RELEVAN (15 MARKAH)

Kriteria ini menilai relevansi projek dari segi:

- Pelaksanaan projek hendaklah selaras dengan agenda nasional;
- Mempunyai kolaborasi (kerjasama) yang khusus dengan rakyat/kumpulan sasar;
- Berupaya untuk memberi keberuntungan kepada Kerajaan dan rakyat/kumpulan sasar;
- Berupaya untuk menjimatkan kos atau menjana hasil kepada Kerajaan dengan ketara; dan
- Projek tersebut dapat memenuhi keperluan dan permintaan semasa.

KRITERIA 3: SIGNIFIKAN (10 MARKAH)

Kriteria ini menilai tentang kepentingan projek:

- a. Projek yang dapat menunjukkan keberhasilan yang signifikan atau bermakna;
- b. Memberi kesan atau impak yang tinggi kepada Kerajaan dan rakyat/kumpulan sasar;
- c. Boleh diterima pakai dan dilaksanakan di peringkat tempatan, nasional dan global.

KRITERIA 4: KEBERKESANAN (15 MARKAH)

Kriteria ini menilai:

- a. Hasil pelaksanaan projek hendaklah menunjukkan keberkesanannya dengan pembuktian seperti data statistik;
- b. Keberhasilan projek berupaya mengekalkan pencapaian atau prestasi yang baik secara mapan/mantap dan berterusan; dan
- c. Dapat meningkatkan tahap kepuasan kumpulan sasaran. Pengukuran penerimaan dan kepuasan pelanggan wajar dibuat berdasarkan Key Performance Indicators (KPI) atau pengukuran prestasi yang telah ditetapkan melalui saluran-saluran seperti borang maklum balas, soal selidik, temu bual dan sebagainya. Keberkesan projek perlu dibuktikan daripada hasil kajian kepuasan pelanggan.

KRITERIA 5: FUNGSI / CIRI-CIRI (15 MARKAH)

Kriteria ini menilai:

- a. Projek yang dicalonkan mempunyai fungsi dan ciri-ciri yang menarik seperti integrasi dan mekanisma kawalan;
- b. Mestilah mudah untuk dicapai oleh pengguna;
- c. Projek mestilah stabil dan kestabilan dapat diukur seperti kekerapan capaian, response time, Service Level Agreement (SLA) yang telah ditetapkan dan bagaimana masalah tersebut diatasi;
- d. Projek yang dicalonkan hendaklah praktikal untuk digunakan serta memudahkan atau memendekkan proses kerja yang terlibat



GARIS PANDUAN
ANUGERAH INOVASI TEKNOLOGI, MAKLUMAT
DAN KOMUNIKASI (AIJCT)
PERINGKAT NEGERI PERAK
TAHUN 2017

- e. Kandungan projek mempunyai pautan atau/dan mendapat sokongan daripada penyedia-penyedia perkhidmatan atas talian yang lain seperti pembayaran secara atas talian, agensi-agensi Kerajaan dan organisasi-organisasi bukan Kerajaan; dan
- f. Projek dibangunkan secara dalaman (inhouse) atau luaran (outsource).

KRITERIA 6: KUALITI / PENGIKTIRAFAN (15 MARKAH)

Kriteria ini menilai:

- a. Pendekatan dan metodologi yang digunakan di dalam proses quality assurance di semua peringkat pelaksanaan dan pengujian sistem menepati piawaian yang ditetapkan di peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa;
- b. Reka bentuk projek yang dihasilkan mengambil kira dan memenuhi kehendak dan keperluan pengguna;
- c. Produk yang boleh dipercayai dari segi perancangan, pelaksanaan dan keberhasilan;
- d. Berciri mesra pengguna;
- e. Pengiktirafan yang telah diperoleh semenjak sistem ini digunakan seperti memenangi anugerah tertentu atau telah meningkatkan kedudukan organisasi di dalam carta penyampaian perkhidmatan yang cekap dan cepat;
- f. Jawatankuasa-jawatankuasa yang telah dibentuk bagi memantau perjalanan projek seperti Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal bagi memastikan tahap kualiti yang tinggi dikekalkan setiap masa; dan
- g. Penerangan mengenai strategi, pendekatan dan pengukuran prestasi dalam pengurusan pembekal sekiranya projek dilaksanakan secara outsource.

KRITERIA 7: POTENSI (10 MARKAH)

Kriteria ini menilai:

- a. Projek yang berpotensi untuk berkembang dan mempunyai perancangan masa hadapan beserta dengan penambahbaikan dan outcome yang disasarkan dengan pelaksanaan perancangan tersebut; dan
- b. Penandaarasan bagi projek-projek yang seumpamanya yang telah dilaksanakan oleh organisasi di dalam dan di luar negara dalam usaha mempertingkatkan kualiti, penggunaan, keberkesan dan impak sistem.



GARIS PANDUAN
ANUGERAH INOVASI TEKNOLOGI MAKLUMAT
DAN KOMUNIKASI (AIICT)
PERINGKAT NEGERI PERAK
TAHUN 2017

E. KEPUTUSAN PERTANDINGAN

Keputusan yang dibuat oleh Panel Penilai adalah muktamad. Sebarang rayuan atau bantahan tidak akan dilayan.

Pemenang hadiah utama dan sagu hati akan dimaklumkan secara rasmi melalui surat.

F. PENYAMPAIAN ANUGERAH AIICT

Hadiyah untuk pemenang-pemenang akan disampaikan semasa Sambutan Hari Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Perak Tahun 2017 yang akan diadakan pada Julai 2017.

G. TARIKH TUTUP PENYERTAAN

Tarikh tutup penyertaan ialah pada 03 Mei 2017 (Rabu).



**GARIS PANDUAN
ANUGERAH INOVASI TEKNOLOGI, MAKLUMAT
DAN KOMUNIKASI (AIICT)
PERINGKAT NEGERI PERAK
TAHUN 2017**

Glosari:

1. value creation
 - aktiviti yang boleh meningkatkan sesuatu perkhidmatan
2. signifikan
 - bermakna atau penting
3. relevan
 - berkaitan atau berhubung secara langsung
4. kolaborasi
 - kerjasama
5. integrasi
 - penggabungan atau pergabungan dari segi sistem, data dll
6. mekanisma kawalan
 - kaedah kawalan yang digunakan dari segi keselamatan, integriti data dll
7. mudah untuk dicapai
 - capaian atau akses kepada sistem yang sentiasa tersedia. Stabil dari segi rangkaian.

Penafian: Istilah dan huraihan ini hanya terpakai di dalam garis panduan ini sahaja.



BORANG PENYERTAAN ANUGERAH INOVASI ICT PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2017

1.	Nama Organisasi	
2.	Nama Projek ICT Yang Dicalonkan	
3.	Tarikh (bulan & tahun) projek yang dicalonkan mula beroperasi	
4.	Maklumat pegawai yang membuat pencalonan	
	a. Nama	
	b. Jawatan	
	c. Agensi	
	d. Alamat	
	e. Telefon	
	f. Faks	
	g. E-Mel	
5.	Pegawai yang boleh dihubungi untuk mendapatkan maklumat lanjut	
	a. Nama	
	b. Jawatan	
	c. Telefon	
	d. Faks	
	e. E-mel	

3.	<p>Ringkasan Eksekutif + (Tidak Melebihi 100 patah perkataan)</p>	
4.	<p>"Mengapa pencalonan ini wajar dianugerahkan pemenang AIICT". + (Tidak lebih 100 patah perkataan)</p>	

Panduan Format Laporan

Laporan pencalonan yang dikemukakan perlu mempunyai dua (2) bahagian iaitu:

a. Ringkasan Eksekutif

Skop laporan perlulah mematuhi perkara seperti berikut;

- i) Ringkasan laporan pencalonan;
- ii) Justifikasi "Mengapa pencalonan ini wajar dianugerahkan pemenang AIICT".

b. Laporan Penuh

Skop laporan penuh hendaklah berpandukan **Kriteria Penilaian AIICT seperti di Bahagian D dalam Garis Panduan Permohonan AIICT.**

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan boleh menghubungi talian seperti di bawah:

Nama : Puan Sheliana binti Ab Rahman
sheliana@perak.gov.my
05 -209 5067

Puan Azizah binti Abdullah
zah@perak.gov.my
05 -209 5073

Puan Norsita binti Mat Zan
norsita@perak.gov.my
05-209 5594

Borang Penyertaan (*Lampiran A*) berserta Laporan Penuh (*Lampiran B*) hendaklah di hantar melalui e-mel dan alamat sepeerti berikut , selewat-lewatnya pada **03 Mei 2017 (Rabu).**

Urusetia AIICT Negeri Perak 2017,
Bahagian Pengurusan Maklumat
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
Aras G, Bangunan Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh, Perak.